# LAMPIRAN 1

Guru-guru yang dihormati,

Saya menjalankan penyelidikan berkenaan dengan penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah ini. Penilaian ini merangkumi aspek peribadi, kerjaya dan akademik pelajar. Justeru itu, saya meminta jasa baik guru-guru untuk menjawab soal-selidik ini. Segala kerjasama guru-guru didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Vasantha A. Subramaniam

**Arahan:** Tandakan ( x ) atau isi di mana perlu maklumat-maklumat berikut .

1. Jantina :

   [ ] Lelaki

   [ ] Perempuan

2. Taraf perkahwinan :

   [ ] Bujang

   [ ] Berkahwin

3. Ras :

   [ ] Melayu

   [ ] Cina

   [ ] India

   [ ] Lain-lain

4. Gred :

   [ ] DG 02

   [ ] DG 03

   [ ] DG 04

   [ ] DG 05

   [ ] DG 06

5. Pengalaman sebagai seorang guru :- ____________ tahun

6. Lamanya berkhidmat di sekolah ini :- ____________ tahun

**Arahan:** Sila isikan tempat kosong yang disediakan berdasarkan skala berikut:

| 4=Amat setuju | 3=Setuju | 2=Tidak setuju | 1=Amat tidak setuju |
|---|---|---|---|

1. _____ Bilik bimbingan dan kaunseling mempunyai kelengkapan asas yang mencukupi.

2. _____ Terdapat bahan-bahan tentang bimbingan dan kaunseling untuk rujukan para pelajar.

3. _____ Terdapat bahan-bahan tentang bimbingan dan kaunseling untuk rujukan para guru.

4. _____ Papan kenyataan untuk perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah ini digunakan dengan berkesan dan baik.

5. _____ Perkhidmatan ini dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri.

6. _____ Perkhidmatan ini dapat membantu pelajar yang bermasalah disiplin.

7. _____ Perkhidmatan ini membolehkan ibu bapa berbincang dengan kaunselor tentang masalah pelajar.

8. _____ Perkhidmatan ini membantu pelajar yang menghadapi masalah pergaulan dengan rakan-rakan di sekolah.

9. _____ Perkhidmatan ini memberi maklumat tentang keupayaan, minat dan aptitud pelajar-pelajar.

10. _____ Perkhidmatan ini membantu pelajar mengatasi masalah akademik mereka.

11. _____ Perkhidmatan ini memberi maklumat tentang peluang-peluang pendidikan dan kursus-kursus yang ditawarkan di institusi dan kolej tempatan.

12. _____ Perkhidmatan ini meningkatkan motivasi pelajar untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik.

13. _____ Perkhidmatan ini menyebarkan maklumat kerjaya kepada pelajar dengan berkesan.

14. _____ Penyebaran maklumat kerjaya mencakupi kebanyakan kerjaya.

15. _____ Perkhidmatan ini membantu pelajar memilih pekerjaan berdasarkan keupayaan dan minatnya.

16.______ Pelajar dan kaunselor berbincang tentang peluang pendidikan dan kerjaya berdasarkan minat dan keupayaannya.

17.______ Kaunselor adalah seorang yang mesra kepada para guru dan pelajar.

18.______ Kaunselor sedia bekerjasama.

19.______ Kaunselor adalah seorang yang memahami.

20.______ Kaunselor bersikap terbuka.

21.______ Kaunselor sedia menerima cadangan.

22.______ Kaunselor melibatkan diri dalam segala hal yang berlaku di sekolah.

23.______ Kaunselor sedia menerima pelajar yang dirujuk oleh guru.

24.______ Kaunselor berupaya mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan.

25.______ Kaunselor mengambil berat akan kebajikan pelajar.

26.______ Kaunselor menghormati dan dihormati oleh para pelajar.

27.______ Kaunselor melayan pelajar tanpa diskriminasi.

28.______ Kaunselor mengamalkan etika kerahsiaan.

29. Nyatakan sejauh manakah anda berpuas hati dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling yang diadakan di sekolah ini dengan mengisi tempat kosong yang disediakan berdasarkan skala berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4= Amat memuaskan | 3= Memuaskan | 2= Kurang memuaskan | 1=Tidak memuaskan |

a. ______ Program Cuma Lima Minit Dadah

b. ______ Ceramah Anti-Dadah

c. ______ Pameran Anti-Dadah

d. ______ Program Maju Diri

e. ______ Pameran Kerjaya

f. ______ Pembimbing Rakan Sebaya

30. Guru memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar di sekolah. Dalam membantu pelajar, nyatakan tiga rintangan yang anda hadapi apabila berurusan dengan kaunselor di sekolah?

31. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memerlukan cadangan daripada para guru untuk memperbaiki perkhidmatannya. Berikan dua cadangan untuk memperbaiki perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah ini.

## LAMPIRAN 2

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PARAS 2,3 & 5, BLOK J
PUSAT BANDAR DAMANSARA.
50604 KUALA LUMPUR.

*Telefon* : 03-2583204
*Faks* : 03-2554960

**Ruj. Kami :** KP(BPPDP) 13/15 Jld.50(535)
**Tarikh :** 18 Ogos 1999

Cik Vasantha a/p A. Subramaniam,
No.21, Jln. Teratai 3B,
Taman Puchong Perdana,
47100 Puchong,
SELANGOR.

Tuan/Puan,

***Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia***

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

> **"Penilaian Guru-Guru Terhadap Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Salah Sebuah Sekolah Menengah Di Daerah Petaling"**

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan negeri yang berkenaan.** Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan kajian tuan/puan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DR. AMIR BIN MOHD SALLEH)**
b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

sk.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Ketua,
Jabatan Pedagogi & Psikologi Pendidikan,
Fakulti Pendidikan,
UM.

# LAMPIRAN 3

جابتن ڤنديديقن سلاغور
JABATAN PENDIDIKAN SELANGOR
Jalan Jambu Bol 4/3E
Seksyen 4
40604 Shah Alam
Selangor.

Telefon : 03 559 8843
Fax : 03 550 2133

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: Bil.(97)dlm.JPS.41989/ Jld.45

Tarikh: 6 September 1999

Cik Vasantha a/p A. Subramaniam,
No.21, Jalan Teratai 3B,
Taman Puchong Perdana,
47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan

Puan,

KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN KE SEKOLAH-SEKOLAH

Tajuk : "Penilaian Guru-Guru Terhadap Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Salah Sebuah Sekolah Menengah Di Daerah Petaling"

Berdasarkan kepada surat : KP(BPPDP)13/15/Jld.50.(535)
Bertarikh : 18 Ogos 1999.

Surat puan bertarikh 24 Ogos 1999 berhubung perkara di atas adalah dirujuk dan sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini tiada halangan pihak puan menjalankan kajian tersebut di Sekolah Menengah Kebangsaan Sulatn Abdul Samad mulai 30 Ogos 1999 hingga 30 Oktober 1999.

2. Walau bagaimanapun persetujuan daripada Pengetua sekolah tersebut hendaklah diperolehi terlebih dahulu supaya beliau dapat berkerjasama dan seterusnya memastikan bahawa kajian yang dijalankan hanya bertujuan sebagaimana yang puan nyatakan itu sahaja tanpa melibatkan sebarang gangguan terhadap perjalanan sekolah serta tiada unsur-unsur paksaan semasa kajian berkenaan dijalankan. Adalah diingatkan bahawa Pengetua berhak menerima/menolak program puan.

. Puan juga diminta supaya menghantar senaskah hasil kajian
uan ke Bahagian (Unit Perhubungan Dan Pendaftaran) ini
ebaik sahaja selesai kajian kelak.

ekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

aya yang menurut perintah,

MUHD ARIFFIN BIN YAAKOB)
.p. Pendaftar Sekolah-Sekolah
Negeri Selangor Darul Ehsan

s.k. 1. Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pendidikan Selangor
2. Pegawai Pendidikan Daerah Petaling.
3. Guru Besar,
Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Samad.
4. Ketua,
Jabatan Pedagogi & Psikologi Pendidikan,
Fakulti Pendidikan,
UM.
5. Fail.

MAY/ira..